



26 OCT, 2021

## Ekstrak lumayan



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Oleh Zaid Salim  
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

**M**inyak pati daun gelam yang tumbuh meliar boleh menghasilkan produk kecantikan, kebersihan, alahan kulit dan kesihatan, sekali gus menjana pendapatan lumayan.

Daun pokok gelam atau nama saintifiknya *Melaleuca Cajuputi* turut mempunyai nilai komersial tinggi dan sudah lama digunakan secara tradisional oleh masyarakat zaman dahulu untuk kesihatan terutama menyembuhkan sakit saraf sehingga merawat luka kecil.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Kampung Padang Jejawi di sini Hashim Jusoh, 51, berkata, sejak dahulu lagi, penduduk kampung itu menggunakan daun gelam untuk tujuan perubatan dan kesihatan.

Beliau berbincang, menyedari ia boleh memberikan pendapatan sampingan, penduduk memproses daun itu secara tradisional untuk menghasilkan minyak sebelum dijual kepada masyarakat tempatan.

"Kami memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sejak 2018 dan proses menghasilkan minyak ketika itu dilakukan secara tradisional dengan menggunakan daripada gas."

"Pengeluaran ketika itu dilakukan berdasarkan permintaan selain menjual se-

# Ekstrak lumayan

*Penduduk Kampung Padang Jejawi proses minyak pati daun gelam bagi tujuan perubatan dan kesihatan*

cara dalam talian sebelum dikembangkan dengan bantuan peralatan moden oleh Eseri (Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur) bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-SZA).

"Kerjasama dengan Eseri bermuat selesa kami mengadakan pameran di Pulau Warisan tiga tahun lalu dan menyediari ekstrak daun gelam ini berpotensi untuk dikomersialkan, Eseri memberi peluang kepada kami untuk membekalkan minyak mentah untuk diproses menjadi pelbagai produk menggunakan kaedah saintifik dan kajian menyeluruh," katanya ketika ditemui pada majlis lawatan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim

ke Eseri, kelmarin.

Beliau berkata, proses penghasilan minyak dilakukan secara saintifik oleh Eseri, sekali gus mampu menjana lebih pendapatan sampingan kepada penduduk kampung berkenaan.

Menurutnya, semua uru-

san itu dikendalikan Kelab Belia Kampung Padang Jejawi menggunakan empat mesin untuk memproses minyak mentah dan sehingga kini terdapat 15 ahli mengusahakan projek berkenaan dengan pendapatan purata setiap ahli RM800 sebulan.

"Kuantiti minyak mentah dihasilkan bergantung kepada kitaran mesin berkenaan.

"Satu kitaran mengambil masa selama empat jam dengan kuantiti daun sebanyak lima kilogram boleh menghasilkan minyak mentah sebanyak 30 hingga 40 mililiter (ml)."

"Jadi setiap empat jam, kita boleh menghasilkan 120 hingga 160 ml minyak gelam mentah daripada empat

mesin," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eseri, Profesor Madya Hafizan Juahir berkata, pihaknya bekerjasama dengan komuniti kampung itu yang dikelilingi pokok berkenaan menyebabkan ia mudah diperoleh.

Beliau berbincang, selain itu, pihaknya memiliki ladang pokok gelam di kawasan Jambu Bongkok, Marang,

**Satu kitaran mengambil masa selama empat jam dengan kuantiti daun sebanyak lima kilogram boleh menghasilkan minyak mentah sebanyak 30 hingga 40 mililiter (ml)"**

Hashim

mesin," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eseri, Profesor Madya Hafizan Juahir berkata, pihaknya bekerjasama dengan komuniti kampung itu yang dikelilingi pokok berkenaan menyebabkan ia mudah diperoleh.

Beliau berbincang, selain itu, pihaknya memiliki ladang pokok gelam di kawasan Jambu Bongkok, Marang,

**HASHIM**  
menunjukkan produk minyak pokok gelam yang berjaya dihasilkan.





26 OCT, 2021

## Ekstrak lumayan

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Penduduk Kampung Padang Jejawi proses minyak pati daun gelam bagi tujuan perubatan dan kesihatan

Kuala Nerus Minyak pati daun gelam yang tumbuh meliar boleh menghasilkan produk kecantikan, kebersihan, alahan kulit dan kesihatan, sekali gus menjana pendapatan lumayan. Daun pokok gelam atau nama saintifiknya Melaleuca Cajuputi turut mempunyai nilai komersial tinggi dan sudah lama digunakan secara tradisional oleh masyarakat zaman dahulu untuk kesihatan terutama menyembuhkan sakit saraf selain merawat luka kecil.